

15 MAY 1997

LION MASIH MEMBISU MENGENAI PENSWASTAAN PERWAJA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Walaupun para pegawai Perwaja Steel Sdn Bhd telah membayangkan bahawa perjanjian penswastaaan syarikat itu akan dimeterai segera, Lion Group masih tidak memberi isyarat sama ada ia akan mengambil kepentingan 30 peratus dalam syarikat keluli itu.

Lion Group masih belum mengeluarkan sebarang kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai perkara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata Isnin lalu bahawa beliau berharap Lion Group akan menerima tawaran tersebut.

Penganalisis pasaran saham berkata Lion Group telah dipelawa menyertai penswastaaan itu kerana pengalamannya yang luas dalam industri berkenaan.

"Ini tidak bermakna yang Maju Holdings Sdn Bhd tidak berkeupayaan tetapi bukannya baik untuk berkongsi risiko," salah seorang daripada penganalisis itu berkat. -- BERNAMA

SHY SIA